



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

**TALKING POINT**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**BERSEMPENA MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB)  
DI KAWASAN MUDA**

**TARIKH  
13 FEBRUARI 2022**

**MASA  
10.00 PAGI**

**TEMPAT  
PERKARANGAN PPK MADA C-IV KANGKONG**

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

### **RUJUK SALUTASI FINAL DI LAPANGAN**

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan/ Puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya zahirkan rasa syukur kerana dapat sama-sama hadir di **Majlis Pelancaran Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi Kawasan MUDA ini.**
2. Pada kesempatan ini juga, saya nak rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)** yang menjemput saya untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan, seterusnya **merasmikan majlis** pada pagi ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

3. **Sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.8% setahun dalam tempoh RMKe-12 dan menyumbang 7% kepada KDNK pada tahun 2025.** Dalam hubungan ini, sasaran pertumbuhan sektor agromakanan yang dijangka berkembang pada kadar 4.5% setahun dalam tempoh RMKe-12 bakal meletakkan sektor ini antara penyumbang penting kepada KDNK negara.
4. Melangkah ke hadapan, selari dengan sasaran meletakkan sektor pertanian sebagai antara penyumbang penting ekonomi negara, **pelbagai program dan pendekatan baharu telah dirangka merentasi semua subsektor agromakanan termasuk Padi dan Beras** bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa.
5. Dalam hal ini, **MAFI telah dan sedang melaksanakan program SMART SBB yang disertai oleh Syarikat-Syarikat Peneraju yang berminat untuk membangunkan kawasan-kawasan penanaman padi secara berperingkat,** menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan perkhidmatan dan sebagainya. **Penyertaan pesawah dalam program ini adalah secara sukarela dan tiada sebarang bentuk paksaan.**
6. Bertitik tolak daripada bulan September 2020, **setakat ini terdapat penyertaan lapan belas (18) syarikat peneraju** yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kerajaan mensasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar.
7. Program SMART SBB terbukti berhasil **meningkatkan pendapatan dan produktiviti pesawah dengan pengurusan sumber secara optimum** melalui

program penyatuan tanah sawah selain **mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.**

8. Sebagai proses berterusan, hari ini kita **bakal menyaksikan perjanjian menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), ditandatangani oleh pihak MAFI bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) serta Memorandum Persefahaman (MoU) MADA bersama BERNAS dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang akan bertindak sebagai syarikat dan badan peneraju.**
9. Untuk rekod, **Program SMART SBB dengan BERNAS** telah bermula pada musim 2/2021 dengan kawasan tanaman padi seluas 100 hektar di dua (2) lokasi iaitu di PPK A-IV dan PPK C-IV, manakala **Program SMART SBB bersama NAFAS** akan bermula pada Musim 1/2022.
10. Tidak ketinggalan, bagi pihak MAFI, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada **Lembaga Zakat Negeri Kedah yang hari ini bersama-sama kita menyertai program SMART SBB sebagai badan peneraju.**
11. Keistimewaan tambahan program melalui **Lembaga Zakat Negeri Kedah** ini adalah dengan menampilkan **elemen kebajikan kepada pembangunan asnaf melalui penawaran khidmat bimbingan, latihan serta semua kemudahan berkaitan pembangunan industri padi dan beras.**
12. Saya difahamkan bahawa, **MADA menyasarkan sejumlah 10,000 hektar sawah padi akan diusahakan melalui program SMART SBB ini menjelang tahun 2025.**

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

13. **Apa yang kita usahakan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan tahap pendapatan pengeluar makanan serta tahap sara diri (SSL) beras negara daripada 63% kepada 75% dalam tempoh RMKe-12 dan 80% pada tahun 2030.**
14. Kejayaan Program SMART SBB sebelum ini juga telah diterjemahkan melalui pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) MAFI. Sehingga Oktober 2021, bilangan penglibatan dan hasil pendapatan kumpulan sasar iaitu pesawah, **telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus.**
15. **Seramai 3,811 orang pesawah telah mendapat manfaat** daripada program SMART SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas lebih 9,500 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.

16. Peningkatan hasil padi juga cukup memberangsangkan. Sebagai contoh, program SMART SBB yang dilaksanakan di Sekinchan, Selangor melibatkan kawasan seluas 100 hektar telah **meningkatkan hasil padi daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada 8 hingga 10 tan metrik sehektar bagi musim 2/2021 dan musim 1/2022**. Pada awalnya, hanya seramai 83 pesawah telah menyertai program ini tetapi kini, saya dimaklumkan penyertaan telah melebihi 800 orang pesawah.
17. Saya yakin dengan kesungguhan semua, program ini akan terus mencapai kejayaan besar yang seterusnya akan **meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasar**.
18. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak MADA kerana telah berjaya mencapai 100% Pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) iaitu **melalui pelaksanaan program MAFI Prihatin dan pelaksanaan SMART SBB di kawasan MADA dengan keluasan 100 hektar seperti yang ditetapkan**.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

19. Saya sentiasa memberi sokongan penuh kepada MADA untuk terus memaju dan mengusahakan **pembangunan ekonomi dalam Kawasan Muda demi kesejahteraan hidup sebilangan besar penduduk luar bandar**.
20. Baru-baru ini MADA juga telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada 28 Januari 2022 melaksanakan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang merupakan **suatu inisiatif yang sangat baik dalam memberi perlindungan kepada petani dan usahawan tani** di Kawasan MADA daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.
21. Para petani dan usahawan tani sangat digalakkan untuk menyertai program ini sebagai perlindungan daripada sebarang musibah pekerjaan.
22. Sama-sama kita terus memartabatkan sektor **agromakanan ini, selari dengan hasrat kerajaan dan semangat KELUARGA MALAYSIA**.
23. **Mengakhiri ucapan, adalah menjadi harapan saya agar semua usaha murni ini terus diperkasakan dan mendapat sokongan semua pihak** selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti makanan negara sepanjang masa sekaligus membela golongan petani, penternak dan nelayan.
24. **Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya melancarkan Program SMART SBB, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) di Kawasan Muda**.

Sekian, terima kasih